

517 15/4/09 mlb TA.

Teruskan usaha realisasi UMT universiti penyelidikan

RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA TERENGGANU – Naib Canselor kedua Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Dr Abdul Aziz Deraman akan meneruskan usaha menjadikan UMT sebagai universiti penyelidikan menjelang tahun 2015 selepas dilantik memegang jawatan berkenaan berkuat kuasa semalam, menggantikan Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin yang tamat perkhidmatannya pada 12 April.

Beliau berkata, untuk muncul sebagai sebuah universiti penyelidikan bertaraf antarabangsa, pihaknya akan meningkatkan jumlah pegawai akademik bagi memastikan sumber manusia mencukupi.

“Kita akan meneruskan dasar meningkatkan bilangan pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah kira-kira 70 peratus dan 40 peratus berkelulusan Ijazah Sarjana menjelang 2015.

“Kita juga akan meningkatkan pengambilan pegawai akademik ternama khususnya dari luar negara untuk berkhidmat di UMT



● Aziz (tengah) pada sidang media selepas Majlis Meraikan Naib Canselor Baru Universiti Malaysia Terengganu, kelmarin.

pada masa akan datang,” katanya pada sidang media selepas Majlis Meraikan Naib Canselor Baru UMT, di sini, kelmarin.

Menurutnya, pengambilan pegawai akademik dari luar negara amat penting untuk berkongsi kepakaran dan kemahiran dari tenaga pengajar berpengalaman dan ilmu mereka

dapat dikongsi penuntut tempatan.

“Sehingga kini kita hanya mempunyai tenaga pengajar luar negara kurang daripada 10 orang iaitu kira-kira dua peratus sahaja daripada 460 jumlah keseluruhan tenaga pengajar di universiti ini.

“Kita akan berusaha me-

nambah tenaga pengajar ini sehingga 10 peratus pada masa depan,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM319 juta untuk pembangunan UMT dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembangunan berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada 2010.